

KEGIATAN DBP DI SANA SINI

Keperkasaan dan Kelestarian Akar Budaya Melayu

Oleh Raja Masittah Raja Ariffin

PERSIDANGAN Antarabangsa Bahasa, Sastra, dan Budaya Melayu kali kedua dengan tema Keperkasaan dan Kelestarian Akar Budaya Melayu telah diadakan pada 24-25 Januari 2006 di Universiti Putra Malaysia (UPM) Malaysia. Persidangan ini anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Persidangan

ini berjaya menemukan para cendekiawan, karyawan dan peminat bahasa, sastra dan budaya Melayu tempatan dan antarabangsa dalam satu forum yang dapat menampilkan akar budaya Melayu dalam pelbagai bidang dan profesion; mengenal pasti cabaran pengantarabangsaan bahasa dan budaya Melayu dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi; di samping memulihara, melestarikan dan memantapkan ciri bahasa dan budaya yang berupaya membawa pemodenan kepada masyarakat; dan menampilkan

visi ke arah memperkasakan penggunaan bahasa dan budaya Melayu agar seiring dengan bahasa antarabangsa yang lain.

Sebanyak 68 kertas kerja termasuk kertas kerja dasar, kertas kerja utama, kertas kerja bidang, ucap utama dan kertas kerja serentak telah berjaya dibentangkan oleh para ilmuwan tempatan dan luar negara. Kertas kerja dasar yang berjudul "Bahasa Sebagai Asas Keperkasaan" dan "Kelestarian Akar Budaya: Hakikat dan Kerangka Strategi untuk Tamadun Melayu" telah disampaikan oleh Prof. Dr. Haji Awang Sariyan. Antara lain,

Prof. Dr. Awang menegaskan bahawa "Bahasa Melayu sejak lebih 700 tahun lampau telah menjadi unsur yang penting dalam pembinaan dan pelestarian tamadun tinggi bagi umat di alam Melayu. Bahasa Melayu digunakan dengan meluas bukan sahaja oleh orang Melayu bahkan bangsa lain di luar alam Melayu termasuk bangsa Eropah".

Selain ilmuwan dari institusi pengajian tinggi tempatan, para ilmuwan luar negara yang turut berkongsi ilmu dengan para peserta. Antaranya termasuklah dari Indonesia, Singapura, Australia, Rusia,

Thailand dan Indo-China.

Daripada pelbagai kertas yang dibentangkan, dapatlah dirumuskan bahawa kita harus mengenal pasti akar budaya kita supaya mampu untuk maju dan berdaya saing melalui penyebaran maklumat dan ilmu kepada generasi akan datang. Salah satu akar budaya itu ialah bahasa Melayu yang penggunaannya harus diperluas bukan sahaja dalam pertuturan malahan dalam bidang penerbitan dalam pelbagai bidang dan ilmu agar lestari dan perkasa serta setanding dengan bahasa-bahasa utama lain di dunia.

Program Peningkatan Kemahiran Berbahasa untuk Penutur Asing Kali ke-2

SEJAK gerak kerja pengembangan bahasa Melayu di giatkan di peringkat antarabangsa, khususnya dengan penubuhan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) pada tahun 2000, bahasa dan persuratan Melayu kian mendapat perhatian, khususnya daripada negara-negara yang mempunyai pusat pengajian bahasa Melayu atau Indonesia di seluruh dunia. Sehubungan itu, beberapa kegiatan di bawah Program Peningkatan Kemahiran Berbahasa Melayu untuk penutur asing dipergiat. Antaranya termasuklah Program Cuti Semester Pelajar Jurusan Bahasa Melayu Universiti Deakin (UD), Melbourne, Australia. Program Cuti Semester ini merupakan program kali ke-2 yang dianjurkan oleh UD dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia.

Program yang berlangsung selama 6 minggu, iaitu dari 19 Disember 2005 hingga 28 Januari 2006 ini disertai oleh 14 orang pelajar. Antara matlamat program ini adalah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu para peserta dengan

memberi peluang kepada mereka untuk menghayati dan menggunakan bahasa Melayu yang telah dipelajari melalui interaksi dengan penutur asli bahasa Melayu di samping pendedahan secara langsung kepada budaya dan kehidupan masyarakat tempatan.

Pengisian utama program ini ialah Kursus Bahasa Melayu Khas yang telah dikendalikan sepenuhnya oleh Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM berdasarkan kurikulum yang telah disediakan oleh pihak UD sendiri. Para peserta telah mengikuti kuliah selama 16 jam seminggu bagi kumpulan pelajar tahun 2 dan selama 20 jam seminggu bagi kumpulan pelajar tahun 3. Tenaga pengajar yang terlibat dalam mengendalikan kursus ini ialah Prof. Dr. Haji Awang Sariyan, Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah, Puan Siti Amhar Abu, Encik Ahmad Yusoff Buyong dan Encik Nazmi Muhamad. Sementara kursus ini diadakan di UPM, para peserta telah di tempatkan di kampus UPM, iaitu di kolej-kolej kediaman yang berlainan. Langkah ini berjaya mendedahkan mereka kepada suasana dan budaya berbahasa dalam



PELAJAR Universiti Deakin berkunjung ke DBP baru-baru ini.

kalangan pelajar-pelajar tempatan.

Selain kursus, dua kegiatan lain turut diatur dan dilaksanakan ialah kegiatan terapan bahasa dalam budaya melalui acara-acara kebudayaan dan siri lawatan. Kegiatan yang dilaksanakan ini adalah bagi memenuhi salah satu lagi matlamat program ini, iaitu memperkenalkan latar budaya setempat yang meliputi aspek sejarah, tem-

pat, warisan dan kemajuan negara Malaysia secara langsung kepada para peserta dalam hubungan pembelajaran bahasa Melayu. Acara kebudayaan yang terpilih ialah majlis perkahwinan masyarakat Melayu dan sambutan Hari Raya Aidiladha. Para peserta juga berpeluang menyertai aktiviti kesenian dan permainan rakyat tradisional seperti congkak dan galah

panjang di Balai Seni Lukis Negara, dan aktiviti kebudayaan yang berlangsung di Akademi Seni Kebangsaan. Para pelajar telah berpeluang mengadakan lawatan ke destinasi budaya di Melaka, Kuala Lumpur, Putra Jaya dan Selangor.

Oleh Rahimi Ariffin



PARA peserta bergambar kenangan bersama penceramah dan fasilitator Perkampungan Penulis Muda Pelajar Sekolah Menengah Negeri Melaka 2006.

Kegiatan Sastra di Wilayah Selatan Dipergiat

DEWAN Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS) membuka tirai 2006 dengan penganjuran beberapa program kesusasteraan di Wilayah Selatan. Pada 25 hingga 27 Januari lalu DBPWS buat kali ketiga sejak tahun 2002, bersama-sama Jabatan Pelajaran Negeri Melaka (JPNM) mengadakan Perkampungan Penulis Muda Pelajar Sekolah Menengah Negeri Melaka di Shah's Beach Resort, Melaka.

Selain bertujuan memberikan pendedahan dan ilmu penulisan karya kreatif, program ini juga bertujuan mencungkil bakat pelajar dalam penulisan kreatif pelbagai genre, menggalakkan pelajar menghasilkan karya kreatif yang ber-

mutu, dan memupuk pelajar agar menghargai karya kreatif moden dan tradisi.

Dua aspek yang diberikan tumpuan dalam Perkampungan Penulis ini ialah ilmu dan kaedah penulisan dalam bidang karya puisi dan drama yang dibimbing oleh Ketua 1 PPJ, Encik Amiruddin Md. Ali Hanafiah, dan bidang penulisan karya cerpen dan novel disampaikan oleh Encik Mohd. Jusoh Majid daripada Bahagian Kesusasteraan Bandingan DBP. Peserta juga diberi motivasi penulisan, penghasilan karya serta mempersembahkannya untuk penilaian penceramah. Karya puisi dan cerpen terbaik dalam kalangan peserta akan diterbitkan dan lima orang peserta terbaik

akan mewakili negeri Melaka ke Perkampungan Penulis Muda Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan anjuran Kementerian Pelajaran yang bakal diadakan pada bulan April di Negeri Sembilan.

Sementara itu, Dialog Sasterawan KOMSAS telah diadakan pada 2 Februari 2006 di Dewan SMK Kayu Ara Pasong, Pontian, Kluang. Majlis anjuran bersama DBPWS dengan Persatuan Penulis Johor (PPJ) dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Pontian dan PENA ini dihadiri seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada pelajar serta guru bahasa dan sastra Melayu dari seluruh daerah Pontian.

Oleh Rusdi Abd. Rahman